

10 AUG 1997

Tajol-Kad

KDN BERCADANG PERKENAL KAD PENGENALAN BERWARNA UNTUK PEKERJA ASING

PENKALAN HULU, 10 Ogos (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri bercadang memperkenalkan kad pengenalan bagi pekerja asing yang berada di negara ini mengikut jenis sektor pekerjaan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata, kad itu akan dikeluarkan dalam saiz berbentuk kecil serta berwarna mengikut jenis sektor pekerjaan seperti perkilangan, perladangan, pembinaan dan pembantu rumah.

"Langkah itu bertujuan memudahkan pihak berkuasa mengenal pasti identiti serta menghalang pekerja asing bertukar sektor pekerjaan," katanya selepas majlis perasmian Kursus Bina Insan Pemuda Umno Bahagian Gerik di sini petang semalam.

Kad itu akan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan serta butir peribadi pekerja berkenaan bagi memudahkan pihak berkuasa membuat pemeriksaan menerusi komputer, katanya.

Katanya dengan pengenalan kad itu pekerja asing tidak lagi perlu membawa pasport serta pas kerja mereka ke merata tempat.

Sementara itu, kerajaan akan juga memperkenalkan kad pekerjaan bagi rakyat tempatan dan rakyat Singapura yang bekerja di kedua-dua negara dan berulang-alik menyeberangi Tambak Johor setiap hari.

Tajol Rosli berkata kad pekerjaan itu yang juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan dan butiran peribadi akan memudahkan mereka yang menyeberangi tambak itu setiap hari.

Mereka tidak perlu lagi menunggu lama untuk mendapatkan cop pasport masing-masing kerana kad berkenaan membantu mempercepatkan urusan Imigresen, katanya.

Mengenai pasport pintar yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, beliau berkata pengeluaran pasport itu belum dibuka kepada orang ramai bagi memberi peluang kepada Jabatan Imigresen menyediakan stok yang mencukupi.

Katanya, pada peringkat permulaan sebanyak 200,000 keping pasport yang mempunyai ciri keselamatan kod bar dan cip itu perlu disediakan Jabatan Imigresen bagi memenuhi permintaan.

Permohonan bagi mendapatkan pasport berkenaan dijangka lebih cepat diperolehi dan KDN tidak berhasrat menetapkan tempoh tertentu kepada pemilik pasport yang sedia ada menukarkannya kepada pasport pintar, katanya.

Beliau juga berkata setiap pekerja asing di Sabah termasuk mereka yang diiktiraf pelarian dari Filipina perlu mendaftarkan diri sama ada secara persendirian atau menerusi majikan sebelum akhir bulan ini.

Katanya, sekiranya terdapat pekerja asing yang belum mendaftarkan diri selepas tarikh itu, tindakan lebih tegas termasuk mengusir mereka ke negara asal akan dilakukan seperti di Semenanjung dan Sarawak yang pendaftaran mereka tamat 31 Dis lalu.

Sehingga kini 47,000 pekerja asing telah mendaftarkan diri menerusi majikan dan 134,000 lagi secara persendirian daripada kira-kira 400,000 rakyat asing yang bekerja di negeri itu, katanya.

-- BERNAMA

RZS AKD